

07/02/1998

Ahli Umno ada agenda lebih besar

KOTA BHARU, Jumaat - Ahli Umno Kelantan diingatkan mereka mempunyai agenda lebih besar daripada menghadapi isu pertandingan dalam mesyuarat pemilihan Mac ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor, berkata mereka harus memikirkan isu yang lebih besar, terutama untuk menghadapi parti lawan, khususnya Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, beliau meminta supaya ahli Umno tidak mempertikaikan keputusan badan itu tiada pertandingan bagi jawatan Ketua Bahagian dalam mesyuarat pemilihan nanti.

Menurutnya, keputusan itu lahir daripada hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, selaku Presiden parti dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Beliau menafikan dakwaan pihak tertentu kononnya keputusan itu dibuat oleh semua ketua bahagian, yang menganggotai badan itu untuk menjaga kepentingan mereka.

"Beliau (Perdana Menteri) menyatakan hasratnya itu ketika menyampaikan ucapan mukadimah dalam mesyuarat perhubungan itu pada 26 Januari lalu. Selain itu, beliau turut menerima pandangan daripada ahli.

"Oleh itu, dakwaan pihak tertentu kononnya keputusan supaya tiada pertandingan bagi jawatan itu pada mesyuarat pemilihan ini hanya dibuat oleh ketua bahagian yang menyandang jawatan itu, tidak timbul," katanya.

Ahmad Shahibuddin yang juga Ketua Umno bahagian Bachok berkata demikian di majlis taklimat dan penjelasan mengenai isu itu kepada ahli Umno tiga peringkat dalam bahagian Kota Bharu, di Pejabat Umno Negeri, di sini, malam tadi.

(END)